



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KOTA KINABALU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2024

BAHASA MELAYU
Kertas 3
30 minit
TINGKATAN 5

1103/3

SET 1

NASKHAH CALON

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


1. *Kertas soalan ini mengandungi 4 petikan.*
 2. *Jawab semua soalan.*
-

ITEM INDIVIDU 1

TEMA: PELANCONGAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Pelancongan Gastronomi



Setiap negara, negeri mahupun daerah memiliki keunikan makanan tempatan masing-masing. Keadaan ini mencerminkan identiti budaya sesebuah tempat. Sebagai contoh, sushi diketahui ramai sinonim dengan Jepun. Kimchi pula sinonim dengan Korea, tom yam dengan Thailand, ayam penyet dengan Indonesia. Makanan tempatan bukan hanya unik dari segi nama, tetapi turut memiliki keunikan dari segi penggunaan bahan, peralatan memasak dan kaedah memasak untuk menghasilkan sesuatu resipi. Semua pakej keunikan ini andai diketengahkan mampu menarik pelancong atau pengunjung untuk mencuba sendiri cita rasa ditawarkan sesebuah destinasi pelancongan. Lantas, keunikan menu ini harus terus dijaga sama seperti aset warisan lain dipulihara supaya tidak tenggelam ditelan zaman. Pelancongan makanan penting kerana ia juga satu daripada cara mengekalkan makanan warisan tradisional supaya dapat dinikmati generasi seterusnya.

Dipetik dan diubahsuai daripada,

“Kulinari Tradisional Melayu pelancong”,

Dr. Mohd Nazri Abdul Raji, *Berita Harian*, 1 Jun 2024.

ITEM KUMPULAN 1**TEMA: SEJARAH DAN WARISAN**

Terdapat pelbagai usaha perlu dilakukan untuk mempromosikan makanan tempatan kepada pelancong.

Bincangkan.

ITEM INDIVIDU 2

TEMA: PENDIDIKAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Kemudahan Murid Berpendidikan Khas



Sebanyak 9,000 sekolah di seluruh negara menyediakan kemudahan pendidikan bagi murid berkeperluan khas (MBK) termasuk kanak-kanak autisme. Pengarah Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia mengatakan bahawa antara kemudahan yang disediakan ialah memperluaskan akses dan ekuiti pendidikan yang berkualiti seperti menambah baik ruang pembelajaran selain menaik taraf kelas serta sekolah. Pada 2024, kementerian melakukan perluasan Program Pendidikan Khas Integrasi melibatkan 149 sekolah dan 154 kelas bagi memberi manfaat kepada 1,078 orang MBK di seluruh negara. Dalam masa sama 50 projek pembinaan bangunan tambahan PPKI sedang berjalan. Kerajaan menerusi Rancangan Malaysia ke-12 pula akan terus menjaga kebajikan MBK apabila semua sekolah baharu sama ada rendah mahu pun menengah perlu mempunyai keperluan PPKI. Keperluan tersebut adalah menyediakan enam bilik darjah PPKI di sekolah rendah dan lima di sekolah menengah.

Dipetik dan diubahsuai daripada,
“9000 sekolah sedia kemudahan murid berpendidikan khas”,
Roskhoirah Yahya , *Sinar Harian*, 24 Jun 2024.

ITEM KUMPULAN 2**TEMA: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU KESELAMATAN**

Terdapat manfaat-manfaat penggunaan tenaga solar di Malaysia.

Bincangkan.

ITEM INDIVIDU 3

TEMA: EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Trend ‘Biar Papa Asal Bergaya’ Generasi Muda



Realitinya, sebilangan generasi muda terdorong untuk berhutang untuk memenuhi kehendak dan kemahuan kehidupan mereka. Mereka gagal untuk mengawal kehendak dan kemahuan hanya semata-mata untuk tampil bergaya dan berlagak kaya di hadapan orang lain terutamanya di media sosial walaupun sebenarnya tidak berkemampuan. Keadaan ini sesuai a pepatah Melayu, 'Biar papa, asal bergaya' yang sinonim digunakan bagi menggambarkan kehidupan sebilangan masyarakat yang sanggup miskin wang semata-mata untuk pura-pura kaya. Tindakan generasi muda yang sanggup membuat pinjaman peribadi semata-mata untuk tampil bergaya dan berlagak kaya boleh menjerat diri mereka sendiri kerana beban pembayaran balik hutang pinjaman tersebut. Pinjaman itu akan ditanggung hingga ke akhir hayat sekiranya gagal dibayar dalam tempoh yang ditetapkan, apatah lagi bagi mereka yang telah mempunyai komitmen pinjaman lain seperti pinjaman sewa beli kenderaan dan pinjaman perumahan.

Dipetik dan diubahsuai daripada,

“Trend "Biar Papa, Asal Bergaya" Generasi Muda”,

Ryan Sofea ,*Dewan Ekonomi*, Dewan Bahasa dan Pustaka 15 Ogos 2024.

ITEM KUMPULAN 3

TEMA: EKONOMI , KEUSAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN


Kemudahan pembayaran tanpa tunai mendatangkan banyak manfaat.

Bincangkan.

ITEM INDIVIDU 4

TEMA: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Teknologi Kereta Elektrik Mengubah Industri Automotif Dunia

Fungsi kereta elektrik tidak sama seperti kereta yang menggunakan kuasa bahan api fosil seperti petrol atau diesel kerana kereta ini tidak mempunyai enjin pembakaran dalaman tradisional. Sebaliknya, kereta elektrik dilengkapi dengan satu atau lebih motor elektrik yang dikuasakan oleh pek bateri yang besar. Sebuah kereta petrol mempunyai enjin pembakaran dalaman yang menghantar kuasanya ke roda melalui kotak gear. Kereta jenis ini menukarkan kuasa bahan api seperti petrol kepada tenaga, manakala kereta elektrik menggunakan kuasa elektrik yang berpunca daripada tenaga bateri yang telah disimpan. Kereta elektrik mempunyai motor elektrik yang berupaya menghidupkan tork (daya pulasan) dengan serta-merta dan mempunyai tahap pemacuan yang lebih baik berbanding kereta petrol. Oleh itu, Tork ialah daya kilasan atau daya motor yang berfungsi untuk memutar objek pada suatu paksi.

Dipetik dan diubahsuai daripada,

“Teknologi Kereta Elektrik Mengubah Industri Automotif Dunia”,
Khairul Nizam Zainal Badri , *Dewan Kosmik*, DBP, 16 Disember 2020.

ITEM KUMPULAN 4

TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

Terdapat langkah-langkah meningkatkan hasil pertanian negara.

Bincangkan.

KERTAS SOALAN TAMAT